

22/05/1997

Mewujudkan jaringan keamanan dunia

MATLAMAT menjadikan abad ke-21 sebagai abad yang aman dan makmur, mungkin sesuatu yang begitu sukar kita gambarkan kewujudannya. Malah ia adalah sesuatu yang mustahil selagi ada negara yang tidak mahu melepaskan penguasaan ekonomi dan ketenteraan yang sentiasa menjadi `senjata' untuk mengugut negara yang tidak mahu mengikut telunjuk mereka. Begitu juga, selagi ada negara di dunia menganggap hanya mereka yang mengamalkan ideologi terbaik tanpa mengambil kira kepentingan sejagat, selagi itulah dunia tidak akan aman. Perbalahan agama dan perkauman juga adalah halangan paling besar dalam usaha mewujudkan keamanan dunia selain isu sempadan dan perluasan wilayah. Sejak beberapa abad lalu pertikaian membabitkan negara di dunia, tidak pernah selesai. Dalam apa jua keadaan, ada saja negara yang berkecamuk sama ada membabitkan masalah dalaman atau campur tangan pihak ketiga.

Namun, kita amat menghargai harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu melihat dunia dalam abad ke-21 bertukar corak. Harapan Dr Mahathir itu sebenarnya bukanlah igauan pada siang hari, kerana ia sebenarnya memang boleh berlaku. Logiknya, jika semua pihak mempunyai kemahuan yang sama dan masing-masing berusaha ke arah itu, kita tidak nampak sebab perlunya berlaku pertikaian sesama umat dunia. Setiap negara perlu memilih untuk bekerjasama dan mengelakkan persengketaan. Masalah yang berlaku hari ini hanyalah disebabkan ketidakseimbangan kedudukan dunia - ada negara kaya dan ada negara miskin manakala negara kaya sering menunjukkan taringnya terhadap negara miskin. Walaupun perang dingin sudah berakhir, bayang-bayang yang menghantui kesan perang dingin, terus wujud.

Hari ini dunia memasuki era teknologi maklumat yang mana maklumat boleh dikongsi bersama. Negara yang memerlukan maklumat mengenai negara lain tidak perlu lagi merisik kerana segala-galanya boleh diperolehi dengan mudah. Semua negara tidak perlu lagi menyembunyikan maklumat. Malah setiap negara seboleh mungkin mahu memasarkan maklumat yang mereka ada untuk diketahui seluruh dunia. Negara yang menyembunyikan maklumat mengenai negara mereka, akan ketinggalan.

Jika semua negara boleh berkongsi maklumat yang hari ini dianggap sebagai kuasa paling utama, mengapa tidak mereka berkongsi keamanan. Berkongsi maklumat bermakna mereka boleh berkongsi ekonomi, kekayaan, sumber asli, perdagangan dan sebagainya. Ini memang dilakukan oleh syarikat yang terbabit dalam perniagaan antarabangsa. Sekalipun negara mereka menghadapi masalah dengan sesebuah negara lain, perniagaan syarikat terus berjalan lancar. Projek usaha sama membabitkan dua negara terus berlaku. Semua syarikat terbabit terbukti boleh mengaut keuntungan bersama.

Oleh itu saranan Dr Mahathir mengenai model baru pembangunan untuk era maklumat melalui konsep gabungan `jaringan' syarikat yang memungkinkan pembangunan ekonomi dan kemakmuran dunia saling dinikmati bersama, adalah cadangan yang praktikal. Jika semua syarikat boleh bekerjasama, tidak ada sebab falsafah itu tidak boleh diamalkan oleh setiap negara di dunia.

Kita percaya saranan Dr Mahathir akan diberi pertimbangan wajar oleh setiap pemimpin dunia. Saranan Dr Mahathir ini perlulah dilihat dalam konteks untuk membawa rakyat dunia ke satu tahap yang bebas daripada sebarang ancaman. Kita agak hairan mengapa sesetengah negara memilih peperangan daripada keamanan. Apakah peperangan boleh meningkatkan ego mereka sedangkan hakikatnya negara berkenaan sering dikecam.

Dunia perlu mengambil contoh Asean yang sentiasa mementingkan keamanan serantau. Jika semua wilayah menggunakan pendekatan yang sama, tidak wujud lagi persengketaan yang boleh membawa kepada peperangan. Jika falsafah keamanan diterima semua negara di dunia, kita berpendapat tidak ada lagi negara yang perlu mengeluarkan senjata yang boleh memusnahkan dunia. Logiknya, jika tidak ada pembeli, tidak ada lagi negara yang mahu mengeluarkan senjata. Kita pernah menanamkan dalam fikiran kita bahawa perniagaan senjata adalah perniagaan yang bankrap idea dalam dunia yang inovatif hari ini.

Hakikatnya, daripada kita berlumba-lumba menunjukkan kekuasaan ketenteraan, adalah lebih baik kita memanfaatkan teknologi yang berkembang pesat hari ini. Melalui maklumat yang kita perolehi akan mendekatkan kita dengan negara lain. Kita boleh bekerjasama dalam bidang itu tanpa perlu menimbulkan sebarang kekecohan.

(END)